

14/06/2002

MCA sedia bantu galak Bumiputera ke UTAR

KUALA LUMPUR, Khamis - MCA sedia membantu kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar Bumiputera memasuki institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) termasuk Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang ditaja parti itu.

Setiausaha Agung MCA yang juga Pengerusi Biro Pendidikan parti itu, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata pelajar yang memiliki kelayakan akademik diperlukan boleh memohon memasuki UTAR kerana universiti itu mengamalkan dasar terbuka dalam pengambilan pelajar.

"Kita sedia bekerjasama dengan kerajaan untuk menggalakkan mereka (pelajar Bumiputera) belajar di IPTS seperti UTAR," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Biro Pendidikan MCA di Wisma MCA di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Pendidikan MCA yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim.

Semalam, Kabinet bersetuju bilangan pelajar Bumiputera di IPTS ditingkatkan sejajar saranan Pergerakan Pemuda Umno.

Jemaah Menteri yang menolak cadangan menetapkan kuota bagi kemasukan Bumiputera ke IPTS, mahu IPTS bukan tajaan kerajaan, terutama yang mempunyai program berkembar dengan universiti ternama termasuk di luar negara, berusaha menseimbangkan integrasi kaum di institusi mereka.

Dr Ting yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pemandu UTAR berkata, UTAR mengamalkan dasar terbuka dan tidak bersifat perkauman.

Ditanya sama ada MCA akan membantu kerajaan menggalakkan Bumiputera memohon ke IPTS, beliau berkata: "MCA akan berusaha."

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, jawatankuasa pusat (CC) parti berkenaan memutuskan semua penyandang jawatan dan anggota CC dikekalkan bagi satu penggal lagi.

Beliau berkata, keputusan itu bagi mematuhi persetujuan CC untuk mengekalkan jawatan semua penyandang dalam parti pada semua peringkat di samping memenuhi pelan damai yang disyorkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ting berkata, bagi jawatan tertinggi parti atau penyandang jawatan peringkat kebangsaan dan jawatankuasa pusat, tidak terdapat sebarang kekosongan dan semua penyandang jawatan sekarang akan mengekalkannya untuk satu penggal lagi.

Bagaimanapun, beliau berkata, bagi memenuhi garis panduan yang baru ditetapkan MCA serta pelaksanaan pelan damai, Jawatankuasa Perhubungan MCA negeri dan bahagian serta Pemuda dan Wanita negeri dan bahagian dikehendaki mengemukakan hanya satu senarai pencalonan berdasarkan senarai anggota sedia ada.

Katanya, mereka perlu mengemukakan pencalonan masing-masing seperti disyaratkan perlembagaan parti.

Beliau berkata mesyuarat agung MCA dijadualkan berlangsung 29 Jun ini, manakala Mesyuarat Pemuda dan Wanita MCA sehari lebih awal.

(END)